

PATOLOGI PERSEKITARAN

TUTORIAL 1

SOALAN ESEI PENDEK

1. **Dengan ringkas terangkan (berserta ilustrasi, jika perlu) pelbagai perkara berikut :**
 - A. Definisi Patologi
 - B. Sejarah Patologi
 - C. Pelbagai Sub-Bidang dalam patologi. Terangkan secara ringkas. Ilustrasikan dimana perlu
 - D. Berikan perbezaan antara Patologi Am, Patologi Sistem, Patofisiologi dan Patologi Eksperimental
 - E. Berikan perbezaan antara symptom (symptom) dan tanda (sign) sesuatu penyakit.

SOALAN PELBAGAI PILIHAN (MCQs)

2. **Pelbagai teknik dalam pengkajian patologi ialah**
 - A. pemerhatian secara fizikal (gross)
 - B. pemerhatian dibawah mikroskop cahaya.
 - C. menggunakan kaedah histokimia
 - D. imunohistokimia
 - E. teknik biokimia.
3. **Pasangan istilah dan keterangan berikut adalah benar:**

A. Hiperplasia	:	Peningkatan saiz sesuatu orga disebabkan proliferasi selnya.
B. Hipertrofi	:	Pembesaran sel.
C. Insidens Penyakit	:	Jumlah kes baru penyakit.
D. Prevalens Penyakit	:	Kes lama penyakit.
E. Prognosis	:	Punca penyakit

PATOLOGI PERSEKITARAN

4. **Pencirian sesuatu penyakit melibatkan pelbagai seperti**
- A. etiologi
 - B. patogensis
 - C. manifestasi patologi
 - D. manifestasi klinikal
 - E. prognosis

SOALAN ESEI PANJANG

5. **Terangkan bagaimana pengkelasan sesuatu penyakit dilakukan. Berikan contoh dimana perlu.**

(15 markah)